

DW 4.2: Cadangan Meningkatkan Produktiviti Tanaman Tanaman Kelapa Sawit Melalui Pensijilan Mandatori MSPO Kepada Kesemua Pekebun Kecil, Ladang Dan Kilang Buah Kelapa Sawit.

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Hasil Hasil pengeluaran buah tandan segar (BTS) perlu dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya 30 tan/hektar/tahun. Manakala kadar perahan minyak (KPM) juga perlu dipertingkatkan daripada 20% kepada 25%.
- Mendapatkan pensijilan MSPO oleh petani.
- Meningkatkan kadar produktiviti Buah Tandan Segar (BTS).

Komponen Cadangan:

- Usaha ke arah Pertanian Hijau dapat dicapai melalui pelaksanaan **pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)**.
- Pensijilan MSPO bagi pekebun kecil dilaksanakan di bawah Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC).
- Untuk mencapai sasaran produktiviti, usahawan/pekebun kecil terlibat adalah digalakkan untuk menanam semula pokok kelapa sawit yang tidak produktif dengan menggunakan klon terpilih, serta mengamalkan kaedah penyemaian, pembajaan, pengurusan ladang dan penuaian hasil seperti yang disyorkan menerusi "Kod Amalan MPOB (COP)".
- Penggunaan teknologi pertanian bersesuaian seperti **Penuai Buah Sawit Bermotor**. Berupaya meningkatkan pengeluaran BTS kepada **10 tan/pekerja/hari**.

Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (MPOB, FELDA, FELCRA, RISDA dan Pengusaha Ladang Swasta).

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan kawasan tanaman kelapa sawit seluas **182,698.82** hektar.

Daerah	Keluasan (Hek)	Peratus (%)
Muar	59,255.97	32.43
Segamat	89,282.91	48.87
Tangkak	34,159.94	18.70
Jumlah	182,698.82	100.00

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor 2021.

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • MPOB 	<ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FELCRA • RISDA • Ladang Swasta

ANGGARAN KOS

- Kos Penyelenggaraan = RM 100 per hektar bagi (luas 182,698.82 hek) dengan jumlah kos RM 18,269,882.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 18,269,882

FASA PELAKSANAAN

